

27/08/1997

Kerajaan Pusat selenggara lapangan terbang Kuching

KUCHING, Selasa - Kerajaan negeri tidak akan campur tangan dalam pelaksanaan lapangan terbang antarabangsa baru di negeri ini, sebaliknya menyerahkan segalanya kepada Kerajaan Pusat.

Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, berkata kerajaan negeri menyediakan tapak untuk pembinaan lapangan terbang itu, tetapi keputusan mengenai pelaksanaannya diserahkan kepada Kerajaan Pusat.

"Terpulang kepada Kerajaan Pusat untuk memutuskan sama ada projek itu dilaksanakan secara penswastaan atau sebaliknya.

"Apa yang penting ialah pembangunan di negeri ini, khususnya bandar raya ini terus berlaku dan memberi manfaat kepada penduduknya," katanya berucap pada majlis pecah tanah projek bangunan pejabat dan pusat beli-belah 18 tingkat di Jalan Satok, di sini, hari ini.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengumumkan lapangan terbang antarabangsa baru akan dibina di Kampung Jaya Bakti, Jalan Matang, dekat sini.

Dr Mahathir berkata, kerajaan negeri memberikan tapak seluas 808 hektar kepada Kerajaan Pusat di kawasan itu untuk pembangunan. Kerana itu, selain membina pejabat Persekutuan, kerajaan bercadang membina sebuah lapangan terbang baru di situ.

Perdana Menteri mengumumkan perkara itu selepas menamatkan lawatan dua hari ke negeri ini pada Selasa lalu.

Taib berkata, kerajaan negeri harus terus merancang pembangunan dan memperluaskan pembangunan, khususnya dibandar raya ini kerana kini pertambahan penduduk terlalu pesat.

Pertambahan penduduk di bandar raya ini meningkat tiga kali ganda daripada 180,000 orang pada 1981 kepada 450,000 orang pada masa ini.

(END)